

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 06.04.2017**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) nisbah pelaburan di luar negara dengan pelaburan di Malaysia bagi syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti MoF Inc, KWSP, KWAP, LTH, LTAT, Khazanah, PNB, dan lain-lain; dan
- (b) kadar pulangan daripada pelaburan di luar negara berbanding pelaburan di Malaysia bagi setiap GLIC.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua, dimaklumkan nisbah pelaburan dan kadar pulangan pelaburan di luar negara berbanding pelaburan di Malaysia bagi syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah seperti berikut:

Syarikat	Nisbah Pelaburan (%) (Dalam Negara: Luar Negara)	Kadar Pulangan (%)	
		Dalam Negara	Luar Negara
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	71:29	6.2	9.7
Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP)	90:10	4.9	7.4
Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	-	10.1	-
Lembaga Tabung Haji (LTH)	90:10	7.0	15.0
Permodalan Nasional Berhad (PNB)	98:2	6.7	8.9
Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)			
i. Khazanah Nasional Berhad	79:21	8.0	15.0
ii. Petroliam Nasional Berhad	89:11	Kadar pulangan pelaburan adalah selaras dengan kadar pulangan pasaran semasa	
iii. Malaysia Venture Capital Management Berhad	72:28	Pelaburan belum dicairkan	
iv. Cradle Fund Sdn Bhd	75:25		
v. Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd	76:24		

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua ju, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) tidak mempunyai pelaburan di luar negara.